

Pilihanraya Sarawak dijangka 21 dan 22 Dis.

KUCHING, Selasa — Pilihanraya umum negeri Sarawak dijangka diadakan pada 21 dan 22 Disember ini, menurut satu sumber tertinggi di sini.

Menurut sumber itu, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, akan mengunjungi Yang Dipertua Negeri, Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, pada jam 11 pagi esok.

Dalam perbincangan itu, Datuk Patinggi Taib diduga akan meminta Dewan Negeri dibubarkan pada 18 November ini sebelum menyampaikan keputusan itu kepada para pemimpin Barisan Nasional Sarawak di sebelah petangnya.

Sumber itu menambah, hari penamaan calon akan diadakan 12 hari selepas Dewan Negeri dibubarkan pada 30 November ini.

Sebelum ini beberapa ramalan mengenai pilihanraya di Sarawak telah timbul dan antaranya mengatakan bahawa pilihanraya umum peringkat negeri ini mungkin diadakan dalam bulan November ini dan ada pula yang mengatakan ia akan diadakan lewat April depan.

Membuang undi

Tetapi laporan terakhir mengesahkan pilihanraya akan di adakan dalam bulan Disember dan tarikh 21 dan 22 dikatakan sebagai satu tarikh yang telah diterima untuk pilihanraya itu diadakan.

Walaupun sebelum ini tempoh pilihanraya yang diadakan di Sarawak itu biasanya diadakan dalam tempoh seminggu atau lebih kerana masalah perhubungan, namun tempoh pilihanraya kali ini dipendekkan menjadi dua hari sahaja bagi kawasan-kawasan pedalaman, sementara pilihanraya di kawasan bandar pula tetap diadakan dalam sehari.

Meskipun pilihanraya kali ini akan diadakan dalam musim 'Landas' (tengkujuh), namun pilihanraya ini diduga agak meriah juga kerana ia diadakan menjelang Hari Krismas yang dirayakan oleh ramai pengundi.

Dalam pilihanraya lalu, 513,201 pemilih didaftarkan, tetapi dari Mac hingga Mei tahun ini, seramai 150,000 orang pemilih baru telah mendaftarkan.

Namun demikian, tidak diketahui sama ada pemilih-pemilih baru itu akan dibenarkan membuang undi mereka dalam pilihanraya yang akan diadakan Disember ini.

Di bawah undang-undang sekarang, pilihanraya umum Sarawak hendaklah diadakan dalam tempoh 90 hari dari tarikh Dewan Negeri dibubarkan.

Pilihanraya umum yang lalu diadakan dalam bulan September 1979 dan tempohnya dijangka be-

rakhir September tahun depan.

Selepas pilihanraya umum 1979 dulu, Dewan Negeri mempunyai 45 kerusi yang diduduki oleh Barisan Nasional Sarawak, iaitu 18 dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), 16 dari Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan 11 dari Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) sementara bebas pula mempunyai tiga kerusi.

Sejak pilihanraya itu, pertikaian berlaku dalam pucuk pimpinan Snap dan ini diikuti dengan pemecatan Datuk Daniel Tajem. Pemecatannya itu mencetuskan pemberhentian beramal-ramai sembilan orang wakil rakyat peringkat negeri dan tiga wakil rakyat peringkat Parlimen dari parti itu.

Parti Bansa Dayak Sarawak pula ditubuhkan di bawah pimpinan Datuk Leo Moggie, seorang Menteri Kerajaan Pusat. Parti ini yang mempunyai 11 orang wakil rakyat peringkat negeri, termasuk Datuk Daniel Tajem dan anggota bebas, Patrik Anak Uren, bagaimapun mengisytiharkan mereka akan patuh kepada Barisan Nasional.

Bahan asal dari Arkib Negeri Malaysia